

# Kesedaran alam sekitar

PETALING JAYA, 4 Dis: Penuntut Kolej Sunway digalakkan membawa bekas minuman sendiri bagi mengurangkan penggunaan kertas pakai buang seperti yang disarankan dalam kempen 'Pemuliharaan Alam Sekitar' anjuran kolej itu.

Naib Pengetuanya, Elizabeth Lee berkata, dengan aktiviti seperti itu akan meningkatkan lagi kesedaran penuntut terhadap pencemaran alam sekitar, sekali gus dapat membimbing mereka menanganinya.

Katanya, bagi menggalakkan penggunaan bekas minuman sendiri, kafetaria kolej itu juga turut menawarkan potongan harga minuman 30 peratus menjadikan minuman berharga RM1 dijual dengan harga 70 sen sahaja.

**This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.**